Mulai 2017, daerah Kuala Muda didapati mempunyai tiga warisan yang sangat istimewa dan unik iaitu warisan geologi (Che Aziz *et al.*, 2019), biologi (Siti Azizah *et al.*, 2019) dan budaya kategori arkeologi tamadun awal (Mokhtar *et al.*, 2019), iaitu mempunyai bukti warisan semulajadi (geologi dan biologi) dan warisan budaya ketara (arkeologi tamadun awal). Inilah produk pelancongan warisan terbaru di daerah Kuala Muda.

1.3 Pelancongan Warisan

Prentice (1993) menyatakan pelancongan warisan adalah melibatkan pergerakan manusia ke kawasan yang mempunyai bukti warisan kebudayaan dan atau alam semulajadi yang menarik dan unik. Tujuannya ialah untuk keluar melancong bagi mendapatkan pengalaman tentang kesahihan dan ketulenan tempat, artifak dan aktiviti yang mewakili cerita sebenar tentang masyarakat masa lalu dan kini di sesebuah kawasan (Alister dan Wall, 1982: 9; Asmak dan Fatimah, 2010; Logeswaran *et al.*, 2015; Camilleri, 2018: 2).

Mengikut Abdul Razak (2006) dan Mohamad Zaki *et al.*, (2014) pelancongan warisan merupakan sesuatu yang subjektif dan terlalu luas skopnya namun secara umumnya menumpukan kepada bukti tinggalan bahan bernilai sejarah sesebuah kawasan atau negara. Oleh kerana itu banyak istilah pelancongan didapati berkait dengan pelancongan warisan seperti pelancongan sejarah, pelancongan budaya dan pelancongan arkeologi, iaitu pelancongan kebudayaan manakala pelancongan geologi dan ekologi adalah pelancongan alam semulajadi.

Kiper (2013) menyatakan industri pelancongan warisan merupakan agen yang boleh menjadikan warisan sesebuah negara terkenal selain menjadi sumber ekonomi dan akhirnya sebagai satu kekuatan yang sangat positif untuk memeliharanya di bawah konsep Warisan Dunia UNESCO. Sejarah industri pelancongan warisan menunjukkan ianya adalah satu fenomena yang telah melalui satu proses metamorfosis iaitu ianya telah mengalami satu perubahan yang sangat ketara. Bermula bersama revolusi industri pada abad ke-19 Masihi berkembang ke abad ke-20 Masihi yang dilihat lebih menyerlah pada skala yang sangat besar dan menguntungkan (Walsh, 1992; Walton, 2020).

Pada abad ke-21 ini, pelancong didapati sangat ingin berkomunikasi dengan sekitaran, asal-usul dan masa lalu mereka. Seinggakan Lowenthal (1985) menyatakan pelancongan warisan bukan pelancongan sejarah, tapi lebih daripada itu. Pelancongan warisan dilihat boleh memberikan pendedahan masa lalu di masa sekarang, iaitu satu ilmu universal tentang fenomena alam dan kemanusiaan. Eropah terutamanya telah mengambil peluang industri pelancongan warisan ini secara maksimum dan telah menjadi sumber ekonomi utama negara mereka (Walsh 1992; Ashworth dan Larkham, 1994).

Produk pelancongan warisan sama ada budaya mahupun semulajadi juga dikenali sebagai produk ikonik iaitu satu produk yang dikenali umum kerana kesahihan faktanya (Grayson dan Martinec 2004; Becken, 2005; Woodside *et al.*, 2007; Tang *et al.*, 2009). Produk ini selalunya memberikan imej yang sangat positif di kalangan pelancong dan masyarakat setempat kerana ia menjadi simbol kebanggaan setempat (Jenkins, 2003; Holt 2004). Menurut Holt (2004) produk ikonik seperti warisan boleh menjadi sumber jualan utama untuk satu-satu lokaliti yang mempunyainya.

Inisiatif UNESCO mengiktiraf tapak warisan kebudayaan dan semulajadi sebagai tapak WHS, UGGp dan MAB telah merancakkan lagi industri pelancongan warisan dunia. Pengiktirafan UNESCO ini menyebabkan tapak atau lokasi WHS, UGGp dan MAB menjadi produk pelancongan warisan yang sangat berjaya (Cellini, 2011). Sehubungan itu setiap tahun UNESCO mengadakan konvensyen khas tentang industri pelancongan warisan ini untuk memastikan ianya satu industri yang lestari iaitu kekal terpelihara dan dapat memberikan faedah yang besar kepada komuniti, kawasan dan negara (Budeanu *et al.*, 2016). Mengikut Pederson (2002), Baram (2008) serta Falk dan Hagsten (2020) lokasi warisan sebegini biasanya akan menjadi produk pelancongan warisan yang sangat berjaya.

Geologi daerah Kuala Muda telah diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan pada 2017 (Mokhtar dan Ibrahim, 2019) dan kini sedang diuruskan untuk menjadi UGGp. Tapak Kompleks Arkeologi Sungai Batu telah diiktiraf sebagai tapak Warisan Kebangsaan yang juga kini sedang diuruskan untuk menjadi tapak WHS manakala bakau Merbok telah dimulakan usaha untuk dicalonkan sebagai tapak MAB. Ini menunjukkan daerah Kuala Muda akan mempunyai tiga tapak bertaraf UNESCO pada masa hadapan. Maka, ketiga-tiga produk ikonik boleh menjadi tapak pelancongan warisan yang berjaya pada masa depan seperti mana yang direkodkan oleh Shabani *et al.*, 2020.

1.4 Komuniti

Dalam kajian sains sosial konsep komuniti selalunya digambarkan dalam banyak versi sehingga menyebabkan takrif komuniti tersebut menjadi longgar (Abdul Rahman, 2007). Namun begitu ahli sosiologi telah memberikan satu definisi yang agak padu dan dapat dijadikan sandaran berkaitan takrif komuniti itu sendiri. Berdasarkan

definisi sains sosial komuniti merupakan satu organisasi sosial yang terkumpul di dalamnya sekelompok manusia yang mempunyai unit kediaman dalam sesuatu kawasan geografi, mempunyai kehidupan yang tersendiri, tersusun dan mempunyai sistem organisasi sosial yang mampan. Selain itu, Poplin (1979:8) turut memberi garis panduan terhadap komuniti yang merujuk kepada sekumpulan individu yang mewakili persekitaran sesuatu geografi atau lokaliti, mempunyai interaksi sosial dan hubungan komuniti yang baik.

Berdasarkan kepada perkara berkenaan maka komuniti lebih jelas ditakrif sebagai sekumpulan individu yang mendiami sesebuah kawasan atau penempatan geografi yang mempunyai daya hubungan interaksi dalam sesama mereka yang membolehkan pembentukan permuafakatan berlaku sesama mereka (Yahya, 2007). Pembentukan muafakat yang berlaku itu kemudiannya mampu menjelmakan keharmonian kaum yang akhirnya membolehkan perkembangan dan sosioekonomi diperkembangkan dengan baik (Ahmad, 2015).

Perkara ini selaras dengan Dasar Komuniti Negara yang menekankan lapan teras utama yang antaranya menekankan nilai keusahawanan, perniagaan sosial dan perkhidmatan sosial (Anynamous, 2019a) yang membolehkan komuniti terlibat secara terus dengan pelancongan. Ini kerana di bawah dasar tersebut membolehkan wujudnya keusahawanan sosial dan memperkasakan perkhidmatan sosial yang boleh dikaitkan secara langsung dengan bidang pelancongan. Ini membolehkan komuniti terlibat secara langsung sebagai pengusaha kraf, inap desa selain terlibat dalam industri makanan tradisi yang mampu menjana pendapat komuniti setempat. Dalam konteks kajian ini komuniti yang terlibat dalam memperlengkapkan kajian ini adalah daripada penduduk setempat (pemain industri pelancongan, pelajar sekolah dan penghulu), pemegang taruh (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (Kedah), Jabatan

Mineral dan Geosains Malaysia (Kedah / Perlis / Pulau Pinang) dan Jabatan Warisan Negara). Kesemua data daripada komuniti tersebut akan diambil datanya bagi memperkukuhkan kajian ini.

1.5 Kawasan Kajian

Kajian ini melibatkan keseluruhan daerah Kuala Muda yang berkeluasan 922.7 km², terletak di bahagian barat laut negeri Kedah Darul Aman iaitu di koordinat 5°34'59.99"U dan 100°22'59.99"T. Bahagian barat bersempadan terus dengan Selat Melaka dan terdapat satu pulau iaitu Pulau Sayak manakala bahagian timur bersempadan dengan daerah Sik dan Baling. Bahagian utaranya pula bersempadankan daerah Yan dan Pendang manakala bahagian selatan bersempadankan daerah Kulim dan negeri Pulau Pinang yang dipisahkan oleh Sungai Muda (Peta 1.1). Pusat pentadbiran daerah Kuala Muda terletak di bandar Sungai Petani.



Peta 1.1: Lokasi daerah Kuala Muda di Kedah Darul Aman (sumber: koleksi penulis)

Daerah Kuala Muda disaliri oleh dua sungai utama iaitu Sungai Muda dan Sungai Merbok yang muaranya terus ke Selat Melaka. Sungai Muda merupakan

sempadan selatan dan timur daerah Kuala Muda dengan bahagian hulunya berada di Empangan Muda, daerah Sik.

Sungai Merbok pula adalah jenis estuari iaitu sungai yang bergantung sepenuhnya kepada turun naik aras laut. Kemasinan air ini membenarkan Sungai Merbok dipenuhi dengan hutan bakau. Pada masa kini sekitar 3,000 hektar daripadanya diwartakan sebagai Hutan Simpan Bakau Merbok (Siti Azizah *et al.*, 2019). Kedua-dua sungai utama ini dan cawangannya di dalam daerah Kuala Muda menyediakan ekosistem unik dengan kepelbagaian biologi. Pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani mempunyai jeti khas di Sungai Merbok bagi menampung keperluan pengangkutan air yang dikenali sebagai Jeti Semeling. Pada 2019, kompleks jeti ini telah dinaiktaraf sebagai Pusat Interpretasi Pelancongan Kuala Muda yang dilengkapi dengan tiga galeri iaitu Galeri Jerai Geopark, Galeri Biodiveristi Merbok dan Galeri Kedah Tua.

Puncak tertinggi adalah Gunung Jerai (1,217 m) yang dikongsi bersama dengan daerah Yan. Oleh kerana mempunyai ketinggian melebihi 1,000m di atas aras laut maka terdapat empat jenis hutan hujan khatulistiwa di Gunung Jerai (Siti Azizah *et al.*, 2019) iaitu hutan dipterokarp tanah rendah (<350 m), hutan dipterokarp bukit (350-672 m), hutan dipterokarp pergunungan (672-1,067 m) dan hutan gunung ericaceous (>1,067 m). Sekitar 8,000 hektar telah di warta sebagai Hutan Simpan Kekal Gunung Jerai. Kepelbagaian hutan ini juga mempunyai kepelbagaian biologi yang hidup di sekitarnya. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (Kedah) mempunyai sebuah Muzium Perhutanan di pertengahan perjalanan ke puncak Jerai yang telah beroperasi sejak 1985.

Daratan di lembangan antara laut ke puncak Jerai dan kawasan sekitarnya menjadi kawasan tumpuan penduduk dan kegiatan ekonomi setempat seperti pertanian

dan perniagaan yang meliputi 16 buah mukim (Peta 1.1) di daerah ini dengan penduduk berjumlah lebih 500,000 orang. Mukim-mukim tersebut ialah Kuala, Bukit Meriam (terdapat Pulau Sayak), Merbok, Haji Kudong, Kota, Rantau Panjang, Pekula, Pinang Tunggal, Sidam Kiri, Teloi Kiri, Simpor, Sungai Pasir, Sungai Petani, Bujang, Semeling dan Gurun. Ini menunjukkan daerah Kuala Muda mempunyai landskap lengkap daripada pulau, laut, pantai, bakau, sungai, dataran lembah, sawah padi, bukit, air terjun sehinggalah ke pergunungan puncak Gunung Jerai (Latifah, 1988; Mohd Isa, 2001; Haslindawati *et al.*, 2017). Setiap mukim mempunyai keunikan geomorfologi yang tersendiri.

Mukim Kuala, Bukit Meriam dan Merbok mempunyai bahagian pantai menghadap ke laut Selat Melaka. Semasa bencana tsunami 2004, ketiga-tiga mukim ini telah terkesan terutamanya mukim Kuala yang telah memusnahkan kampung dan menyebabkan kematian. Pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani telah mengambil inisiatif membangunkan sebuah Galeri Tsunami di sini pada tahun 2006.

Sempadan selatan mukim Kuala, Haji Kudong, Kota, Rantau Panjang, Pekula, Pinang Tunggal, Sidam Kiri dan sempadan timur mukim Teloi Kiri menghadap Sungai Muda, manakala mukim Bukit Meriam, Simpor, Sungai Pasir, Sungai Petani, Merbok, Bujang dan Semeling mempunyai salah satu sempadan menghadap ke Sungai Merbok. Mukim Merbok, Bujang dan Gurun pula berkongsi sempadan di pergunungan Jerai dengan daerah Yan di utara. Hutan Simpan Kekal Jerai melibatkan mukim Merbok, Bujang dan Semeling manakala Hutan Simpan Bakau Merbok melibatkan mukim Bujang, Simpor, Sungai Pasir, Sungai Petani dan Semeling. Memandangkan kajian arkeologi sejak 1840-an banyak menemui bukti di mukim Merbok maka pada tahun 1980 pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti telah membangunkan sebuah Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Bukit Batu Pahat.

Sebagaimana bahagian lain dunia, landskap semulajadi daerah Kuala Muda juga telah lama menjadi tumpuan pelancong khususnya pelancongan rekreasi pantai, air terjun, puncak Jerai dan memudik Sungai Merbok. Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Kompleks Percandian Bukit Batu Pahat mula beroperasi pada 1980 manakala Muzium Perhutanan di laluan ke puncak Jerai mula beroperasi pada 1985. Kehadiran kedua-dua muzium ini telah mempertingkatkan jumlah pelancong ke daerah Kuala Muda. Peningkatan ini juga disokong oleh produk agama, agro, kesihatan, pendidikan, sukan dan gastronomi yang banyak terdapat di daerah Kuala Muda ini.

1.6 Isu Dan Masalah Pemasaran Pelancongan Warisan Di Daerah Kuala Muda

Geologi daerah Kuala Muda telah berevolusi sejak lebih 500 juta tahun dahulu yang telah menghasilkan bentuk muka bumi dan panorama yang ada sekarang. Pentadbir dan penduduk di daerah ini telah mempromosi dan membangunkan prasarana pelancongan berasaskan pelancongan eko khususnya rekreasi seperti perkelahan di Pantai Merdeka dan Pulau Sayak, menikmati keindahan alam Puncak Jerai dan menyusuri keindahan hutan bakau di Sungai Merbok. Oleh kerana sebelum 2019 tidak pernah diketengahkan konsep geopelancongan maka lokasi ini lebih sebagai produk ekopelancongan. Sehingga kini ianya masih belum dikaitkan dengan konsep geopelancongan sepenuhnya. Begitu juga dengan produk biologi biotapak. Kesemuanya dikenali sebagai produk ekopelancongan dengan menyelusuri Sungai Merbok melihat biodiversiti bakau dan ke puncak Gunung Jerai melawat Muzium Perhutanan. Produk arkeologi tamadun awal didapati lebih diketahui khusus sebagai produk pelancongan arkeologi khasnya selepas Muzium Arkeologi Lembah Bujang boleh mula dilawati pada 1980. Ini menunjukkan sehingga 2019 hanya produk

arkeologi tamadun awal sahaja yang dikenali sebagai produk ikonik daerah. Oleh yang demikian di peringkat daerah Kuala Muda sehingga 2023 belum dicatatkan adanya kajian akademik yang berupaya mengkombinasikan data primer berkaitan nilai setiap produk pelancongan ikonik berkenaan. Ini jelas memerlukan satu pendekatan sistematik supaya data berkaitan nilai produk tersebut dapat dicerap datanya.

Selain itu di peringkat daerah Kuala Muda telah direkodkan adanya tiga produk pelancongan warisan iaitu geologi, biologi dan arkeologi yang hanya mula diperkenalkan sebagai produk ikonik pada 2019 (Mokhtar dan Ibrahim, 2019). Maka secara umumnya gabungan produk ini masih belum dibangunkan secara holistik oleh daerah Kuala Muda. Malah belum ada sebarang kajian terperinci dan menyeluruh tentang tahap pengetahuan komuniti di daerah ini khasnya tentang gabungan tiga produk pelancongan warisan yang ikonik ini. Ini sangat perlu dilakukan untuk produk atau lokaliti pelancongan warisan dalam daerah Kuala Muda supaya dapat terus kekal terpelihara dan mendatangkan sumber ekonomi kepada daerah khasnya.

Pendapat komuniti dalam sektor pelancongan daerah khasnya masih belum dikaji dengan meluas. Kajian terdahulu hanya melibatkan kesedaran komuniti dalam pelancongan yang melibatkan pandangan komuniti yang terlibat secara langsung dalam pelancongan (Nadiah *et al.*, 2012; Norhafiza dan Ku' Azam, 2018; Rosniza *et al.*, 2018; Jemmy *et al.*, 2020; Norhayati *et al.*, 2021). Namun begitu data ketersediaan komuniti daripada sudut pandangan pemegang taruh dan dikalangan warga emas, pelajar dan komuniti sekitar lokasi pelancongan selainnya masih belum dicerap datanya secara menyeluruh yang memerlukan kajian dijalankan bagi memperlengkapkannya.

Hala tuju pemasaran pelancongan warisan di daerah Kuala Muda juga sehingga kini belum dijalankan kajian dengan mendalam. Kebanyakan kajian soal selidik hanya

tertumpu berkaitan jenis, potensi dan persepsi komuniti dalam pelancongan yang tidak disertakan data berkaitan hala tuju pemasaran pelancongan warisan secara khusus dalam kajian terdahulu. Perkara ini jelasnya menunjukkan di peringkat daerah Kuala Muda masih terdapat beberapa isu dan masalah yang perlu diselesaikan bagi membolehkan proses pemasaran pelancongannya dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

1.7 Latar Belakang Kajian

Farhana *et al.*, (2015) telah memulakan kajian pelancongan di Lembah Bujang. Kajian mereka menumpukan kepada pelancong tempatan dan kaitannya dengan tapak dan muzium arkeologi. Soal selidik yang dijalankan terhadap 150 responden pelancong tempatan mendapati tarikan utama (>80%) ke Lembah Bujang adalah atas dasar faktor sejarah dan arkeologi, dan selebihnya atas faktor keindahan semulajadi. Survei awal ini walaupun jelas menunjukkan bahawa kawasan ini mempunyai produk ikonik iaitu warisan arkeologi namun belum menyentuh tentang warisan semulajadi geopark dan bakau.

Rasoolimanesh dan Mastura (2016) pula telah menjalankan kajian soal selidik di kawasan Lembah Bujang untuk mengkaji persepsi masyarakat setempat dalam soal perkembangan pelancongan khasnya dalam menuju menjadi tapak arkeologi Warisan Dunia UNESCO. Tumpuan kajian tersebut menjurus kepada mendapatkan data primer berkaitan persepsi positif dan negatif terhadap impak pelancongan kepada mereka yang dikatakan berada pada tahap pra-pembangunan pelancongan yang maksudnya masih belum mempunyai pengalaman peribadi tentang pelancongan sebenar. Oleh kerana itu dapatan kajian adalah lebih kepada harapan pelancongan boleh menjadi pemangkin pembangunan kawasan dan menaik taraf kehidupan mereka, serta

kerisauan tentang pencemaran udara dan kebisingan, kadar jenayah, kesesakan dan kenaikan kos sara hidup. Secara umumnya dikatakan masyarakat setempat sangat setuju dan menyokong industri pelancongan dan sedia bekerjasama menjayakannya. Walau bagaimanapun kajian ini tidak melibatkan aspek pemasaran produk warisan secara langsung dan hanya mengaitkan dengan warisan arkeologi.

Farhana *et al.*, (2016a,b) pula melaporkan hasil kajian soal selidik terhadap 400 responden di Lembah Bujang tentang potensi setiap tapak arkeopelancongan dan kaedah yang sesuai untuk meningkatkan penglibatan penduduk. Hasil kajian mereka jelas menunjukkan potensi yang baik untuk tapak-tapak arkeologi menjadi produk pelancongan masa depan. Kajian ini juga hanya memberikan tumpuan kepada produk warisan arkeologi dan sejarah.

Adnan *et al.*, (2018) telah melakukan kajian lebih terperinci tentang potensi kedatangan pelancong tempatan ke Lembah Bujang daripada aspek arkeopelancongan. Mereka telah menjalankan kajian soal selidik kepada 150 responden dan telah menjalankan analisis SPSS (*statistical package for the social sciences*) tentang alasan negeri pelancong, lokasi tapak arkeologi yang dilawati, kekerapan mengunjungi Lembah Bujang, kategori penginapan yang dipilih, tujuan lawatan, cara lawatan, sumber pengetahuan tentang Lembah Bujang, asas kriteria lawatan, kemudahan prasarana, tahap kepuasan, tarikan utama di Lembah Bujang, lokasi lawatan tapak sejarah dan arkeologi yang paling berpotensi, cadangan cara untuk mempertingkatkan pengunjung ke produk arkeopelancongan dan tahap jaringan pemasaran serta maklumat. Rumusan kajian mereka merekodkan potensi yang besar untuk Lembah Bujang menjadi produk arkeopelancongan negara. Untuk kajian pemasaran didapati lebih 50% responden menyatakan tahap promosi perlu dipertingkatkan dalam media utama. Kajian ini juga hanya menumpukan kepada

produk arkeologi dan sejarah.

Norsuhana dan Fatimah (2018) pula dalam kajiannya menumpukan kepada pelancongan kulineri yang ada di kawasan Lembah Bujang. Kajian mereka secara umumnya juga mencadangkan potensi kulineri dalam industri pelancongan di Lembah Bujang dan mencadangkan tumpuan diberikan kepada penambahbaikan prasarana di kawasan ini.

Mastura *et al.*, (2019) melaporkan hasil kajian tentang pengetahuan dan tahap kesedaran komuniti tentang pelancongan di Lembah Bujang. Hasil soal selidik yang melibatkan 143 responden mendapati tahap pengetahuan dan kesedaran komuniti adalah masih rendah yang boleh mengganggu perkembangan industri pelancongan di kawasan ini. Oleh kerana itu mereka mencadangkan peningkatan tahap pengetahuan dan kesedaran komuniti perlu dilakukan melalui pelbagai kaedah promosi, pendidikan awam dan menganjurkan pelbagai program. Walau bagaimanapun, kajian ini masih belum melibatkan tiga produk ikonik yang terdapat di daerah Kuala Muda secara spesifik.

Mokhtar dan Ibrahim (2019) dalam buku “Jerai Geopark: Warisan Geologi, Geoarkeologi dan Biologi” sempena menjadikan daerah ini dan Yan sebagai Geopark Kebangsaan telah buat pertama kali menyenaraikan kesemua produk geologi, arkeologi, biologi dan budaya yang terdapat di kedua-dua daerah. Keistimewaan data geologi Kuala Muda ialah mempunyai bukti tertua negara iaitu Formasi Jerai yang berusia 550 juta tahun, diikuti oleh Formasi Mahang (440 juta tahun), rejahan granit Jerai (250 juta tahun), magma lewat (220 juta tahun), dan aktiviti Kuaterner sejak sekitar 2 juta tahun yang menghasilkan landskap indah Kuala Muda sekarang (Burton, 1967; Bradford, 1972; Jones, 1973) sebagai produk geopelancongan di bawah Jerai Geopark. Buku tersebut juga mendedahkan keistimewaan bukti biologi yang

menunjukkan Kuala Muda mempunyai (i) Hutan Simpan Kekal Merbok yang merupakan lokasi lebih 40 spesis bakau dunia, (ii) Hutan Simpan Kekal Jerai mempunyai keempat-empat kategori hutan hujan khatulistiwa dan (iii) landskap daripada kepulauan ke laut, pantai, sungai, dataran landai, kaki bukit hingga ke puncak Jerai (Siti Azizah *et al.*, 2019) sebagai biotapak dalam produk geopelancongan.

Walaupun produk pelancongan arkeologi daerah Kuala Muda telah dikenali khasnya mulai 1980 namun hanya mulai 2019 baharulah didedahkan melalui tapak Kompleks Arkeologi Sungai Batu bahawa ianya adalah bukti tamadun terawal Asia Tenggara sejak 788 Sebelum Masihi (SM) dan berterusan hingga abad ke-15 Masihi meliputi lebih 1,000 km² (Mokhtar *et al.*, 2019) sebagai tapak geoarkeologi menjadi produk geopelancongan. Kompleks Arkeologi Sungai batu telah di isytihar sebagai tapak Warisan Kebangsaan pada 2012.

Mokhtar *et al.*, (2019) juga merekodkan warisan ketara dan tidak ketara yang terdapat di Kuala Muda sebagai produk pelancongan sejarah dan budaya. Sehingga kini telah ada gerakan bersama Jabatan Warisan Negara. Walau bagaimanapun, penerbitan ini hanya menyentuh tentang keistimewaan pelbagai produk warisan dan industri pelancongan yang sepatutnya dijalankan tanpa membincangkan tentang kaedah pelaksanaan. Namun, kajian Mokhtar dan Ibrahim (2019) inilah buat pertama kalinya memperkenalkan produk ikonik pelancongan warisan yang terdapat di daerah Kuala Muda.

Adnan *et al.*, (2020) pula melaporkan hasil kajian soal selidik terhadap 150 responden tentang produk ekopelancongan di Lembah Bujang, Hasil kajian tersebut merekodkan tiga produk utama ekopelancongan iaitu Puncak Jerai, Pantai Merdeka dan Tanjong Dawai, diikuti oleh Hutan Simpan Merbok, Pulau Sayak dan Pantai Teluk Nipah.

Sakinah *et al.*, (2021) telah merekodkan dalam siri khazanah Malaysia tentang “Warisan Lembah Bujang: Tamadun Terbilang” yang menggabungkan antara warisan semulajadi dengan warisan arkeologi dan budaya yang terdapat di kawasan ini. Walau bagaimana pun mereka tidak mengaitkannya dengan industri pelancongan dan pemasarannya.

Maka, dapatan kajian terdahulu jelas menunjukkan tiada kajian yang berfokus kepada pemasaran daerah Kuala Muda dalam pelancongan warisan yang menggabungkan ketiga-tiga produk ikonik bersama produk sampingan yang lain dan kaitannya dengan komuniti. Ini kerana berdasarkan kajian akademik oleh Farhana *et al.*, (2015), Rasoolimanesh dan Mastura (2016), Farhana *et al.*, (2016a,b), Adnan *et al.*, (2018), Nursuhana dan Fatimah (2018), Mastura *et al.*, (2019), Mokhtar dan Ibrahim (2019) Mokhtar *et al.*, (2019), Adnan *et al.*, (2020) dan Sakinah *et al.*, (2021) membolehkan bukti geologi daerah Kuala Muda yang telah berevolusi sejak lebih 500 juta tahun dahulu, bukti geoarkeologi dan biologi direkodkan menerusi kajian akademik.

Sehubungan itu memandangkan tiga produk pelancongan warisan iaitu geologi, biologi dan arkeologi hanya mula diperkenalkan sebagai produk ikonik pada 2019 (Mokhtar dan Ibrahim, 2019) maka secara umumnya gabungan produk ini masih belum dibangunkan secara holistik oleh daerah Kuala Muda. Malah belum ada sebarang kajian terperinci dan menyeluruh tentang tahap pengetahuan dan pendapat komuniti di daerah ini khasnya tentang gabungan tiga produk pelancongan warisan yang membolehkan kajian ini dijalankan.

1.8 Objektif Kajian

Oleh kerana daerah Kuala Muda merupakan satu-satunya daerah di Malaysia yang mempunyai produk ikonik yang menggabungkan antara geologi, arkeologi tamadun awal dan biologi (bakau dan hutan hujan khatulistiwa) maka secara umumnya tujuan utama kajian ini adalah untuk menjadikan daerah ini sebagai contoh lokasi pelancongan warisan yang berjaya dan lestari berdasarkan justifikasi UNESCO terhadap tapak WHS, UGGp dan MAB. Maka, objektif kajian pemasaran pelancongan warisan daerah Kuala Muda ini ialah:

- (1) Mengenal pasti nilai produk pelancongan warisan di daerah Kuala Muda,
- (2) Memahami tahap pengetahuan komuniti tentang pelancongan warisan dan kaitannya dengan daerah Kuala Muda
- (3) Mengenal pasti pendapat komuniti untuk menjadikan daerah Kuala Muda sebagai lokasi pelancongan warisan, dan
- (4) Merangka hala tuju pemasaran pelancongan di daerah Kuala Muda bagi memperkembangkan produk pelancongan warisan

1.9 Kaedah Kajian

Bagi memenuhi keperluan tujuan kajian di atas maka kaedah yang akan digunakan adalah seperti yang berikut (perbincangan lengkap dilakukan dalam Bab 3), iaitu melibatkan kajian literatur, temu bual, Kajian Rintis, Kajian Sebenar, analisis SPSS dan interpretasi akhir. Kajian literatur merupakan langkah pertama dijalankan bagi mengumpulkan maklumat berkaitan isu dan masalah kajian yang perlu dihuraikan dalam penyelidikan.

Kajian ini melibatkan penelitian terhadap artikel, manuskrip, laporan, jurnal dan penerbitan seumpamanya yang membantu dalam membina kerangka awal penyelidikan (Amri, 2016). Penelitian terhadap rekod-rekod kajian terdahulu membolehkan isu dan masalah berkaitan pemasaran pelancongan yang masih belum

terjawab menerusi kajian lampau dapat direkodkan yang membolehkan kajian terkini berkaitan pemasaran pelancongan di daerah Kuala Muda dijalankan.

Selepas data kajian literatur mencukupi maka kajian lanjutan yang melibatkan kaedah temu bual yang mempunyai tujuan untuk mendapatkan kedua-dua data kualitatif dan kuantitatif (Taherdoost, 2021: 2022) turut dijalankan. Menerusi kaedah temu bual ini membolehkan beberapa isu direkodkan terhadap permasalahan sedia ada pemasaran pelancongan warisan daerah yang membolehkan soalan soal selidik rintis dirangka. Kaedah ini sangat penting untuk dijalankan dalam kajian ini bagi memahami situasi sebenar berkaitan kelompangan data sedia ada dalam pemasaran pelancongan yang membolehkan kajian ini diteruskan.

Selepas itu soalan mula dirangka bagi membolehkan Kajian Rintis dijalankan. Kaedah ini diaplikasikan dengan tujuan utamanya adalah untuk mengesahkan kebolehlaksanaan kajian dengan menilai kriteria kemasukan dan pengecualian responden selain menguji instrumen yang digunakan untuk memperlengkapkan kajian seperti mana cadangan In (2017). Ini membolehkan penilaian hasil peringkat awal dijalankan menerusi komen penambahbaikan daripada tiga sumber rujukan yang membolehkan soalan untuk soal selidik sebenar dirangka dan diedarkan.

Selepas itu Kajian Sebenar yang melibatkan pengedaran borang soal selidik dijalankan bagi membolehkan data berkaitan sikap, kepercayaan atau pendapat melalui standard soal selidik direkodkan menerusi kajian akademik seperti mana cadangan Pozzo *et al.*, (2019). Hasil kajian berkenaan kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi mendapatkan keabsahan kajian hingga membolehkan interpretasi akhir dilakukan.

1.10 Skop Kajian

Fokus utama kajian ini ialah tentang pemasaran sebuah lokasi yang mempunyai produk pelancongan warisan. Kajian ini hanya melibatkan kajian temu bual, Kajian Rintis dan Kajian Sebenar untuk mendapatkan data primer berkaitan tahap pengetahuan dan pendapat komuniti di dalam pemasaran pelancongan warisan di daerah Kuala Muda. Data daripada borang soal selidik akan dianalisis dengan kaedah SPSS yang melibatkan analisis kebolehpercayaan untuk melengkapkan kajian ini. Bagi membolehkan dapatan data primer dianalisis maka kaedah analisis gabungan atau "*mix method*" telah diaplikasikan yang melibatkan analisis data kuantitatif dan kualitatif melalui penyelidikan yang telah dijalankan (Scherma *et al.*, 2018).

Kelebihan menggunakan kaedah analisis campuran ("*mix method*") membolehkan proses pengumpulan, analisis data, menyepadukan penemuan dan inferensi kajian menggunakan kedua-dua pendekatan kualitatif dan kuantitatif dalam satu kajian dapat dilaksanakan (Doyle *et al.*, 2009; Dawadi *et al.* 2021). Ini membolehkan interpretasi menyeluruh dapat dikemukakan bagi memperkukuh dapatan akhir kajian.

Selain itu, kajian ini hanya melibatkan analisis terhadap 17 responden temu bual, 75 responden untuk Kajian Rintis dan 674 responden untuk Kajian Sebenar yang berada di lingkungan 16 mukim di daerah Kuala Muda. Responden tersebut termasuklah komuniti (masyarakat awam dan pelajar) dan pemegang taruh (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (Kedah), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (Kedah / Perlis / Pulau Pinang) dan Jabatan Warisan Negara. Oleh kerana kajian ini mengukur data berkaitan pendapat komuniti dan ketersediaan prasarana pelancongan daerah maka proses temu bual, Kajian Rintis dan Kajian Sebenar yang dijalankan

melibatkan wakil kerajaan negeri, penghulu, staf pentadbiran daerah Kuala Muda, staf jabatan yang berkaitan selain pemain industri pelancongan di daerah Kuala Muda.

1.11 Organisasi Tesis

Umumnya tesis ini dibahagikan kepada lima (5) bab iaitu:

Bab 1 akan dimulakan dengan membincangkan tentang definisi warisan dan pelancongan warisan. Ini diikuti perbincangan tentang kawasan kajian, latar belakang dan isu serta masalah yang berkaitan dengan kajian. Dapatan perbincangan tersebut membolehkan tujuan, kaedah dan skop kajian dibincangkan dan akhir sekali bab ini akan memberikan huraian bab yang terdapat di dalam tesis ini.

Bab 2 akan membincangkan tentang kajian literatur yang berkaitan dengan pemasaran pelancongan warisan di beberapa tapak terpilih. Melalui kajian literatur ini, aktiviti survei terhadap produk pelancongan warisan ikonik yang terdapat di daerah Kuala Muda (Mokhtar dan Ibrahim, 2019) dijalankan bagi memetakan kemudahan prasarana dan proses promosi yang telah dijalankan di daerah ini.

Bab 3 membincangkan kaedah yang diguna pakai dalam mendapatkan data primer bagi melengkapkan kajian ini. Kaedah kajian seperti temu bual, Kajian Rintis dan Kajian Sebenar diperbincangkan dengan mendalam di dalam bab ini termasuk kaedah SPSS. Bab ini juga akan membincangkan hasil analisis terhadap data temu bual dan Kajian Rintis yang menjadi langkah awal kepada pensampelan Kajian Sebenar.

Bab 4 membincangkan dapatan data daripada pengedaran borang soal selidik sebenar. Dapatan data tersebut turut dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan statistik sebenar terhadap variabel dan item yang diuji. Analisis demografi responden, analisis kebolehpercayaan, faktor pemuatan, varian rata-rata

(AVE) dan kebolehpercayaan komposit (CR) telah dijalankan bagi memperlengkapkan kajian ini.

Bab 5 merupakan bab kesimpulan untuk kajian ini yang akan menggabungkan kesemua data kualitatif dan kuantitatif untuk interpretasi akhir bagi menjawab objektif tesis. Akhirnya akan dibincangkan hala tuju pemasaran pelancongan di daerah Kuala Muda.

BAB 2

PEMASARAN DESTINASI PELANCONGAN WARISAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang kajian literatur yang berkaitan dengan tajuk kajian ini iaitu “Pemasaran Pelancongan Warisan di daerah Kuala Muda dari aspek Geologi, Arkeologi, Biologi dan Budaya”. Fokus pertama diberikan kepada penerbitan tentang definisi umum konsep pemasaran destinasi pelancongan. Kemudiannya fokus kepada penerbitan tentang pemasaran destinasi pelancongan warisan dan kaitannya dengan komuniti. Fokus kedua ditumpukan kepada produk-produk pelancongan warisan ikonik daerah Kuala Muda untuk dikenal pasti nilainya sebagai produk identiti daerah yang boleh dipasarkan. Fokus ketiga diberikan kepada ketersediaan kemudahan asas dan langkah promosi yang telah diambil dalam menjayakan industri pelancongan warisan yang lestari sebagai panduan kepada daerah Kuala Muda yang mempunyai kepelbagaian jenis produk pelancongan ikonik.

2.2 Kerangka Konseptual

Pemasaran destinasi pelancongan memerlukan strategi tersendiri dalam memperkenalkan sesebuah tempat atau lokasi yang mempunyai produk pelancongan. Khusus untuk pemasaran destinasi pelancongan warisan didapati lebih unik kerana ianya memerlukan komitmen komuniti setempat yang lebih tinggi. Berikut dibincangkan beberapa isu seperti produk pelancongan ikonik, infrastruktur dan promosi lokasi pelancongan dunia, pemasaran pelancongan, prasarana pakej pelancongan, promosi pelancongan serta isu dan masalah. Berikut dibincangkan jenis

kerangka konseptual dari segi komuniti, konsep pemasaran destinasi pelancongan, pemasaran destinasi pelancongan warisan dan pemegang taruh.

2.2.1 Komuniti

Poplin (1978) menyatakan secara umumnya komuniti adalah merupakan sekumpulan masyarakat yang menetap di sesuatu penempatan yang terancang dengan sistem mobilisasi masyarakat tersebut mengamalkan tatacara hidup secara berautonomi dan tersendiri. Tiga elemen penting yang wujud bagi sekumpulan komuniti adalah kawasan geografi, interaksi sosial, dan hubungan komuniti yang mampu menyerlahkan kesatuan bangsa walaupun mempunyai perbezaan dari aspek bangsa, agama dan amalan hidup seharian (Hamzah *et al.* 2004). Ia juga berkongsi aspirasi dan aktiviti seharian sehingga membolehkan semangat toleransi dan kekitaan wujud dalam sesebuah komuniti (Yahya, 2007).

Jang dan Mennis (2021) telah membincangkan keterlibatan komuniti adalah penting dalam sektor pelancongan dan keterlibatan mereka juga merupakan kunci kepada kelestarian kawasan pelancongan berkenaan. Malah dalam kajian Jang dan Mennis (2021) turut menjelaskan telah menjadi satu kepentingan untuk memasukkan komuniti tempatan ke dalam operasi dan pengurusan tapak, yang kedua-duanya memberi bermanfaat untuk memulihara tapak warisan dan kelestarian komuniti tempatan itu sendiri. Ini kerana daripada sejumlah 1,121 tapak warisan yang disenaraikan telah memperlihatkan keterlibatan komuniti secara langsung dalam sektor pelancongan yang membolehkan kawasan berkenaan menjadi lokasi pelancongan berjaya (Mohd Hafiz *et al.*, 2021).

Hal ini selari dengan pandangan Sanders (1958) yang turut menyatakan proses penglibatan komuniti dalam pembangunan terutama pelancongan dapat

diklasifikasikan kepada empat iaitu i) komuniti sebagai proses, ii) komuniti sebagai kaedah, iii) komuniti sebagai program dan iv) komuniti sebagai pergerakan. Komuniti sebagai satu proses adalah bermaksud komuniti diberikan tumpuan terhadap urutan interaksi terhadap aktiviti pelancongan, sebagai kaedah adalah untuk mencapai tujuan dalam setiap aktiviti pelancongan, sebagai program adalah komuniti didedahkan dengan setiap kandungan dan prosedur pelancongan sedia ada dan tahap keempat komuniti sebagai pergerakan lebih membawa maksud keterlibatan komitmen dan emosi komuniti itu sendiri dalam pembangunan pelancongan (Sander, 1958). Maksudnya secara umum mengikut Tomithy (1999) ialah penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan lebih merupakan satu tindakan refleksi kepada wujudnya proses pengambilan keputusan dan faedah nyata dari pembangunan pelancongan yang dapat dinikmati secara bersama antara pemegang taruh dan komuniti setempat.

Arnstein (2007) telah memperkenalkan model pemerksaan dan keterlibatan komuniti dalam pelancongan kepada tiga tahap keterlibatan, iaitu penglibatan sebenar, penglibatan simbolik dan tiada penglibatan yang turut menekankan beberapa jenis kriteria dan ciri-cirinya yang tersendiri. Bagi tahap penglibatan sebenar ianya merangkumi jenis gerak kerja memperkasakan sektor tersebut dengan menekankan ciri komuniti dan pemain industri (pemegang taruh) mesti memainkan peranan secara bersama tanpa ada campur tangan mana-mana kuasa luaran yang boleh mempengaruhi keputusan dan peranan komuniti. Ini kerana menurut Fauziah *et al.*, (2016) dalam konteks pembangunan komuniti, setiap individu, organisasi atau komuniti seharusnya memperoleh kawalan ke atas kehidupan dan isu-isu yang berkaitan dengan mereka di dalam aspek ekonomi, sosial, psikologi dan politik.

Tahap penglibatan simbolik pula terbahagi kepada jenis perkongsian, interaksi dan perundingan yang lebih menjurus kepada kewujudan beberapa taraf dan peranan